**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**NEGERI KEDAH**
Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : http://portalpp.anm.gov.my/kedah

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 (20)
Tarikh 21 Mei 2019

**Semua PTJ / Pusat Pembayaran Gaji**

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN JANM NEGERI KEDAH BIL.4 TAHUN 2019**
**TATACARA PENYEDIAAN ARAHAN PEMBAYARAN BAYARAN GAJI TERMASUK POTONGAN KWSP DAN PENYEDIAAN ARAHAN PEMBAYARAN CARUMAN KWSP DALAM BULAN YANG SAMA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah mengedarkan Surat Edaran JANM Negeri Kedah Bil.1 Tahun 2019 (Panduan Penyediaan Arahan Pembayaran yang Melibatkan Bayaran Gaji) bertarikh 7 Februari 2019. Surat tersebut juga boleh dicapai melalui Portal JANM Negeri Kedah (tab Arkib).

3. Merujuk kepada Surat Edaran tersebut, **PTJ perlu menyediakan Arahan Pembayaran bagi bayaran gaji termasuk potongan KWSP dan menyediakan Arahan Pembayaran Caruman KWSP dalam bulan yang sama**.

4. Bagi memastikan arahan ini dipatuhi sepenuhnya, perhatian dan kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan seperti berikut:

i) **Menyediakan Arahan Pembayaran PSH, Elaun Guru Ganti dan lain-lain baucar bayaran yang terlibat dengan potongan KWSP (Kod Akaun L1311903) selewatnya pada 25hb pada setiap bulan ;**

ii) **Menyediakan Arahan Pembayaran Caruman KWSP sebaik sahaja menyediakan Arahan Pembayaran PSH, Elaun Guru Ganti dan lain-lain baucar bayaran yang terlibat dengan Kod Akaun L1311903 selewat-lewatnya pada 27hb setiap bulan; dan**

iii) **Menyemak Laporan Liabiliti Akaun Penyelesaian Gaji (L1311903) mengikut Tatacara Semakan Laporan Liabiliti Akaun Penyelesaian seperti di Lampiran.**

5. Jabatan ini amat berharap agar perkara ini diberi perhatian serius dan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan. Mohon patuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan bagi memastikan akaun Jabatan tuan dapat dikosongkan oleh Jabatan ini.

6. Sila berhubung dengan pegawai di Unit Gaji JANM sekiranya tuan mempunyai pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut. Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(ROHANI BINTI CHE MIE** C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman

# TATACARA SEMAKAN LAPORAN LIABILITI AKAUN PENYELESAIAN GAJI

